

**KEMENTERIAN PERTAHANAN LUNCUR PROGRAM
PROWIRA – READY TO WORK (RTW) GRADUAN**

1. **KUALA LUMPUR, 14 Mei 2026 – Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin** hari ini telah menyempurnakan **Majlis Peluncuran Program PROWIRA Ready-to-Work (RTW) Graduan dan Inisiatif Pendidikan Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (Yayasan LTAT) 2026** di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur dalam usaha memperkasa kebolehpasaran graduan dikalangan anak warga pertahanan.
2. PROWIRA RTW Graduan merupakan inisiatif Kementerian Pertahanan (MINDEF) yang dilaksanakan oleh Yayasan LTAT. Ia bertujuan memperkasa graduan muda khususnya anak-anak Warga Kerja Pertahanan (WKP) mendapat pengalaman pekerjaan sebenar di syarikat-syarikat terkemuka bagi membentuk profesional yang berketerampilan tinggi.
3. Menerusi pelaksanaan PROWIRA RTW Graduan, seramai 154 graduan dalam pelbagai bidang ditempatkan selama 12 bulan di 23 syarikat yang terdiri daripada Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) serta sektor swasta. Para peserta juga turut menerima elaun bulanan sebanyak RM2,000, perlindungan PERKESO (SOCISO) dan kemudahan-kemudahan lain di syarikat di tempat mereka berkerja kelak.
4. Selain itu, peserta program turut menerima bimbingan mentor serta pembangunan kemahiran profesional yang komprehensif bagi melahirkan graduan yang berkemahiran, berpengalaman dan berdaya saing, di samping merapatkan jurang antara dunia akademik dan alam pekerjaan. Program ini juga selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI dalam memperkasa modal insan negara.
5. Dalam majlis yang sama, YB Menteri Pertahanan turut menyampaikan cek sumbangan bernilai RM222,814.40 kepada enam pengetua Sekolah Dalam Kem (SDK) menerusi **Program Sentuhan Elit SPM 2025**, penyerahan peranti kepada tiga pelajar dan penyerahan cek sumbangan berjumlah RM376,488.00 daripada Yayasan LTAT kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bagi pelaksanaan **Program e-Perkasa 2026**.
6. Selain itu, YB Menteri Pertahanan turut menyaksikan Pertukaran Perjanjian Persefahaman (MoU) Program Pensijilan Profesional Perakaunan (ACCA) antara Yayasan Peneraju dengan Yayasan LTAT dan penyerahan Cek Sumbangan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) kepada Yayasan LTAT dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM3 juta daripada **Affin Bank Berhad, BH Petrol, Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA), Boustead Plantation, Boustead Holdings Berhad, Pharmaniaga dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)** sebagai lambang sokongan dalam memperkukuhkan kelestarian ekosistem generasi pertahanan.

7. MINDEF akan terus komited mempertingkatkan kesejahteraan dan kebajikan warganya menerusi pelbagai inisiatif. Usaha ini membuktikan komitmen berterusan kementerian memperluaskan manfaat pendidikan dan peluang kerjaya serta meneroka kerjasama strategik dengan pelbagai pihak.
8. Hadir sama, Timbalan Menteri Pertahanan; YB Adly bin Zahari, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan; Datuk Lokman Hakim bin Ali, Ketua Eksekutif Yayasan LTAT; Dato' Dr. Nizar bin Haji Sudin, panglima-panglima perkhidmatan, pegawai-pegawai kanan ATM dan kementerian serta agensi dan syarikat pertahanan tempatan.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

**Unit Komunikasi Strategik
Kementerian Pertahanan Malaysia
Dikeluarkan pada 14 Mei 2026**